PENIAGA-PENIAGA KECIL BERGERAK MAJU



Kedai gunting ini terletak dalam kompleks perniagaan yang disediakan oleh sebuah badan Kerajaan iaitu MARA.

Kemajuan perniagaan-perniagaan kecil adalah diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dan badan-badan pelaksanaannya. Adalah suatu hakikat yang tidak dinafikan bahawa perkembangan perniagaan dan perusahaan kecil akan menjadi satu ciri penting dalam perkembangan perdagangan dan perindustrian di negara kita.

Memandang kepada hakikat inilah maka Kerajaan sentiasa memberi bantuan dan bimbingan serta latihan dan khidmat nasihat kepada peniaga-peniaga kecil melalui agensi-agensinya.

Perniagaan-perniagaan kecil merupakan tapak dan tempat latihan bagi peniaga-peniaga untuk meloncat ke perniagaan dan perusahaan besar yang lebih rumit dan kompleks.

Di antara institusi-institusi penting yang menyediakan modal untuk perniagaan dan perusahaan kecil ialah Majlis Amanah Rakyat atau MARA, Bank Pembangunan, MIDF dan semua bank-bank perdagangan melalui Skim Jaminan Kredit (CGC).

Menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua, MARA telah memberi pinjaman bernilai $163 juta untuk kemajuan perusahaan dan perniagaan kecil, sementara Bank Pembangunan yang ditubuhkan dalam tahun 1973 telah mengeluarkan 39 pinjaman berjumlah $7.6 juta. Sementara itu CGC telah menjamin lebih daripada 35,800 pinjaman yang berjumlah $302 juta. Dari jumlah 1,154 pinjaman bernilai $417.4 juta yang telah diberi oleh MIDF, lebih dari 75% adalah membiayai perusahaan dan perniagaan kecil dan sederhana.

Lebih banyak lagi akan dibelanjakan oleh badan-badan ini bagi membantu peniaga-peniaga kecil di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Di bawah Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, sebuah unit telah pula dibentuk bagi menyediakan berbagai kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil semua kaum di seluruh negara.

Suatu peruntukan sebanyak $30 juta telah disediakan bagi membantu mereka yang berhijrah ke bandar-bandar untuk menambahkan pendapatan mereka atau untuk mendapat punca pendapatan utama sebagai peniaga atau penjaja kecil.

Gerai-gerai kecil dalam kompleks perniagaan Pekan Rabu, Alor Setar, yang didirikan oleh MARA berharga $2.7 juta.

Peniaga-peniaga kecil semua kaum mendapat bantuan dari agensi-agensi Kerajaan.

Pingusaha ini akan memperoleh kemajuan berkat bantuan Kerajaan dan kegigihan semangatnya sendiri.



Pasar malam menjadi asas latihan penting kepada peniaga-peniaga kecil.

Berjuta-juta ringgit disediakan oleh Kerajaan bagi membantu peniaga-peniaga kecil.

Peniaga-peniaga kecil baharu yang hanya memerlukan bantuan paling minima akan diliputi oleh skim ini. Ia tidaklah dimaksudkan untuk membantu peniaga atau penjaja yang telah maju kerana golongan yang telah maju boleh mendapat bantuan dari agensi-agensi Kerajaan yang lain dan juga bank-bank perdagangan.

Kemudahan-kemudahan yang diberi di bawah rancangan ini termasuklah penyediaan tapak-tapak perniagaan dengan mengadakan bekalan elektrik, air, tempat buang sampah dan kerusi meja yang diperbuat dari simen atau lain-lain bahan yang tahan lama dan kemudahan infrastruktur yang lain.

Bantuan yang diberi termasuklah pinjaman membeli motorsikal untuk tujuan perniagaan, kereta sorong biasa atau kereta sorong jenis basikal.

Pengeluaran kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil di bawah rancangan ini adalah dibuat melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Majlis Tempatan di seluruh negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peniaga-peniaga kecil akan mendapat bantuan melalui negeri masing-masing seperti berikut:

Johor $3 juta; Kedah $4 juta; Kelantan $5 juta; Melaka $1.5 juta; Negeri Sembilan $1.5 juta; Pahang $2 juta; Perak $1.5 juta; Perlis $1.5 juta; Pulau Pinang $2 juta; Selangor $2 juta; Terengganu $3 juta; Sabah $0.5 juta, Sarawak $0.5 juta dan Wilayah Persekutuan $2 juta.

Di samping itu Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan MARA telah juga memainkan peranan mereka dalam membantu menyediakan kedai atau gerai kepada peniaga-peniaga kecil.

Sebagai contoh dalam tahun 1975, PKEN Kedah telah mendirikan 326 unit gerai/kedai; PKEN Kelantan 123 unit, PKEN Johor — 10 unit dan PKEN Pahang — 597 unit. Bagi tahun-tahun 1976 dan 1977 pula, PKEN Johor telah mendirikan 165 unit gerai dan kedai, PKEN Kedah — 36 unit, PKEN Perlis — 8 unit dan PKEN Kelantan — 106 unit.

Dengan bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan maka adalah diharapkan peniaga-peniaga kecil akan dapat memajukan perniagaan mereka dan akhirnya akan berjaya meningkat menjadi peniaga dan pengusaha yang lebih besar.

Disusun oleh Abdul Aziz Malim, Bahagian Penerbitan
Rekaletak oleh Bahagian Pengeluar Visual
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan
Dicetak oleh Better Pack Printing Sdn. Bhd.
37, Jalan Pesiaran Segambut Tengah, Segambut, Kuala Lumpur.

G.R. 1.3.1/F/B.M./JUN 78



MARA, salah sebuah agensi Kerajaan, mendirikan kompleks ini yang menyediakan 220 gerai untuk peniaga-peniaga kecil di Kedah.

Sebuah kedai mencuci layan-sendiri usaha peniaga kecil di Kuala Lumpur.



Bantuan kereta sorong dan lain-lain kemudahan diberikan oleh Kerajaan kepada peniaga kecil

Berbagai galakan dan bantuan disediakan oleh beberapa badan Kerajaan kepada mereka yang berminat.



Pemuda ini berdikari di tengah-tengah bandar menjual hot-dog.



Modal, nasihat dan bimbingan disediakan. Terpulanglah kepada peniaga dan pengusaha untuk memajukan perniagaan mereka.



Pasar seperti ini merupakan pemandangan biasa di tanah air kita. Peniaga kecil dengan dagangan mereka.



Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Usaha dan semangat adalah penting



Pasar malam, salah satu ciri penting, dalam perniagaan kecil.

Dari usaha yang kecil akan menjadi perusahaan yang besar.